



**KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM**

TEKS UCAPAN

**NIK NAZMI NIK AHMAD
MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM**

MAJLIS BALAI RAYA NRES BIL. 2/2025

5 FEBRUARI 2025 (RABU)

**AUDITORIUM
INSTITUT PENYELIDIKAN PERHUTANAN MALAYSIA (FRIM)**

Terima Kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

1. **Yang Berhormat Dato' Sri Huang Tiong Sii**
Timbalan Menteri NRES
2. **Yang Berbahagia Datuk Dr. Ching Thoo a/l Kim**
Ketua Setiausaha
3. **Yang Berbahagia Datuk Nor Yahati Awang**
Timbalan Ketua Setiausaha (Kelestarian Alam)
4. **Yang Berusaha Puan Norsham Abdul Latip**
Timbalan Ketua Setiausaha (Sumber Asli)
5. **Yang Berbahagia Datuk Dr. Ismail Haji Parlan**
Ketua Pengarah FRIM
6. **Yang Berbahagia Profesor Emeritus Dato' ChM. Dr. Mazlin Mokhtar**
Timbalan Ketua Penyelidikan Jaringan Penyelesaian
Pembangunan Lestari (SDSN) Asia, Sunway University
7. Ketua-Ketua Jabatan dan Agensi
8. Pegawai-pegawai Kanan
9. Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

PENDAHULUAN

1. Syukur kepada Allah SWT kerana dengan rahmat-Nya, kita dapat berjumpa dan berkumpul dalam Majlis Balai Raya NRES yang kedua untuk tahun ini. Hari ini, kita berkumpul dalam semangat kesepaduan dalam memperkukuhkan komitmen terhadap isu yang semakin mendesak iaitu perubahan iklim.
2. Terlebih dahulu, di kesempatan ini saya mengucapkan terima kasih kepada FRIM selaku urusetia bersama bagi penganjuran Balai Raya Kementerian pada kali ini. Sepertimana tahun lepas, kita memberi peluang kepada setiap Jabatan dan Agensi menganjurkan Balai Raya NRES atau lebih dikenali Perhimpunan Bulanan secara penggiliran.

ASEAN LESTARI

3. Sedia maklum ketahui, pada tahun ini Malaysia merupakan Pengerusi ASEAN dengan memfokuskan keterangkuman dan perkongsian global. Dengan membawa tema 'Keterangkuman dan Kemampanan' ia mencerminkan visi ASEAN dengan semua ahli, tanpa mengira saiz atau kapasiti ekonomi, mendapat manfaat daripada pertumbuhan dan pembangunan.
4. Secara dasarnya, Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) menerajui ASEAN Lestari seperti mana Garis Panduan Pelaksanaan Inisiatif ASEAN Lestari (GPPIAL) yang dikeluarkan pada 23 Disember 2024 kepada semua Kementerian.

5. Menerusi GPPIAL inilah ia menjadi rujukan semua Kementerian, Jabatan dan Agensi dalam penganjuran program-program semasa Malaysia menjadi pengerusi ASEAN. Inisiatif ini merupakan langkah penting untuk memastikan penganjuran program dilakukan dengan cara yang lestari dan bertanggungjawab terhadap alam sekitar. Inisiatif GPPIAL bukan sahaja bertujuan untuk memastikan penganjuran program yang lestari tetapi juga berfungsi sebagai model bagi negara anggota ASEAN dalam melaksanakan amalan kelestarian. Dengan fokus pada pengurangan jejak karbon, penggunaan sumber yang cekap dan pengurusan sisa yang bertanggungjawab, inisiatif ini akan membantu mencapai visi ASEAN yang lebih lestari dan inklusif menjelang tahun 2030.
6. Menerusi NRES, kita akan menganjurkan dua mesyuarat alam sekitar bagi ASEAN. Dua mesyuarat itu ialah Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan Alam Sekitar ASEAN (ASOEN) ke-36 pada 28 Julai hingga 1 Ogos 2025 dan Mesyuarat Menteri-Menteri Alam Sekitar ASEAN (AMME) ke-18 pada 1 hingga 5 September 2025 yang akan berlangsung di Langkawi.
7. Dengan tema ASEAN Satu Suara: Mempercepatkan Tindakan Iklim Demi Penjagaan, Perkongsian dan Keperluan Bersama, kita menegaskan pentingnya tindakan kolektif dalam memastikan masa depan yang lestari untuk generasi akan datang. Perubahan iklim bukan hanya isu alam sekitar, tetapi juga berkait rapat dengan keselamatan, ekonomi, dan kesejahteraan rakyat di rantau ini.

8. Sebagai satu komuniti, ASEAN perlu bersuara dengan lebih lantang dan tegas dalam arena antarabangsa. Kita mesti memastikan kepentingan rantau ini mendapat perhatian yang sewajarnya dalam perundingan global, di samping meningkatkan kerjasama serantau melalui inisiatif-inisiatif yang lestari. Penjagaan alam sekitar memerlukan usaha yang bersepadu, bukan sahaja dalam mengurangkan pelepasan karbon tetapi juga dalam meningkatkan daya tahan terhadap perubahan iklim melalui dasar dan tindakan yang berkesan.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan Alam Sekitar ASEAN (ASOEN)

9. ASOEN adalah salah satu mekanisme kerja sama di bawah ASEAN yang memberi fokus kepada keberlangsungan ekosistem dan pengelolaan sumber daya alam di kawasan Asia Tenggara. Peranan ASOEN sangat relevan dengan wilayah ASEAN yang menghadapi cabaran perubahan iklim dan pencemaran.
10. Antara peranan ASOEN adalah untuk mengawal projek-projek lingkungan seperti pemulihan kawasan paya bakau untuk melindungi dan menghalang penghakisan pantai, mengurangkan pencemaran plastik di kawasan laut dengan kerjasama antara negara dan program mitigasi perubahan iklim untuk mengurangkan pengeluaran karbon serta mempromosikan amalan lestari.

11. Contoh peranan ASOEN adalah dalam menangani jerebu rentas sempadan akibat kebakaran hutan. Melalui mekanisme seperti Perjanjian ASEAN Mengenai Pencemaran Jerebu Rentas Sempadan (ASEAN Agreement on Transboundary Haze Pollution), ASOEN bekerjasama untuk mengurangkan kesan buruk bencana alam sekitar ini yang sering memberi impak kepada kesihatan, ekonomi, dan kestabilan serantau.

Hadirin sekalian,

Mesyuarat Menteri-Menteri Alam Sekitar ASEAN (AMME)

12. AMME merupakan mesyuarat berkala di peringkat ASEAN yang diadakan sekali dalam tempoh dua tahun. Pada mesyuarat ini, Menteri-Menteri Alam Sekitar dari negara ASEAN akan membincang dan memuktamadkan hala tuju dasar, program dan aktiviti alam sekitar serantau yang disyorkan oleh Mesyuarat ASOEN.
13. Secara keseluruhannya, penganjuran mesyuarat ASOEN dan AMME di peringkat ASEAN memainkan peranan yang saling melengkapi dalam mencapai matlamat serantau untuk mewujudkan kawasan yang aman dan lestari. Melalui kerjasama dalam pelbagai bidang, termasuk alam sekitar dan perubahan iklim, platform ASEAN membantu memperkukuh integrasi serantau, meningkatkan kesejahteraan masyarakat, dan menyediakan respons yang lebih cepat serta berkesan terhadap cabaran serantau yang dihadapi oleh negara-negara anggota ASEAN. Marilah kita bersama-sama memperkukuhkan suara ASEAN dalam kelestarian alam.

Hadirin sekalian,

RANG UNDANG-UNDANG PERUBAHAN IKLIM NEGARA (RUUPIN)

14. Pada masa ini, NRES sedang mengusahakan Rang Undang-Undang Perubahan Iklim Negara (RUUPIN). Ia selari dengan hasrat kerajaan yang benar-benar serius menangani isu perubahan iklim dan aspirasi negara untuk mencapai pelepasan karbon sifar bersih menjelang 2050. Ini merupakan sasaran yang sangat tinggi, dan memerlukan banyak perubahan radikal daripada kerajaan, sektor swasta serta masyarakat secara amnya.

15. Saya juga berharap dengan beberapa sesi libat urus yang kita laksanakan bersama Ahli Parlimen, pihak industri dan sebagainya akan dapat membuahkan hasil dan input yang kita perlukan agar RUUPIN ini berjaya dilaksanakan untuk mencapai sasaran pelepasan sifar bersih seperti mana yang termaktub di dalam Perjanjian Paris.

Hadirin sekalian,

ANUGERAH FRIM

16. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) yang menerima The BrandLaureate Brand of the Year Award 2024 pada 16 Disember 2024 yang lalu. Dua model **Ekopelancongan Berasaskan Komuniti (CBET)** yang dibangunkan oleh FRIM telah memenangi '**ASEAN Tourism Standard Award**' 2025-2027 bagi kategori '**Community-Based Tourism Standard**' pada majlis penutup ASEAN Tourism Forum (AFT). Syabas dan tahniah.

TETAMU JEMPUTAN

17. Seperti mana kebiasaan sebelum ini, kita turut mengundang tetamu jemputan iaitu YBhg. Profesor Emeritus Dato' ChM. Dr. Mazlin Mokhtar, Timbalan Ketua Penyelidikan Jaringan Penyelesaian Pembangunan Lestari (SDSN) Asia, Sunway University. Beliau merupakan seorang penyelidik akademik yang berpengalaman dengan Ijazah Sarjana Muda Sains (BSc) dari University of Tasmania dan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dari University of Queensland. Beliau juga merupakan Fellow of the Academy Sciences Malaysia (FASc) dan Fellow of the Malaysian Institute of Chemistry (FMIC).

18. Beliau pernah berkhidmat selamat 37 tahun di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Selain itu juga beliau pernah menjadi Felo Penyelidikan Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) di Makmal Alam Sekitar Marin IAEA, Monte Carlo, Monaco, di mana beliau menjalankan penyelidikan mengenai merkuri dan bahan pencemar dalam terumbu karang. Kini, beliau dilantik sebagai Pengerusi Bersama Science Panel for Borneo, Asia Tenggara, yang memberi tumpuan kepada perlindungan biodiversiti dan pembangunan lestari. Panel ini sedang menyediakan laporan penilaian untuk COP30 UNFCCC di Belem, Brazil, pada November 2025.

19. Beliau juga berkhidmat sebagai Timbalan Ketua Penyelidikan di Ibu Pejabat UN SDSN Asia dan Pengarah Program Sistem Ekologi/Persidangan Sains Asia Tenggara dalam United Nations

Sustainable Development Solutions Network (UN SDSN) Asia Headquarters, yang berpusat di Universiti Sunway.

20. Pengalaman dan khidmat bakti beliau mencerminkan komitmen yang tinggi terhadap kelestarian alam sekitar, pengurusan sumber semula jadi yang bijaksana dan kecemerlangan saintifik. Kepimpinan dan visi beliau memberi inspirasi serta mendorong perubahan bermakna di Malaysia dan peringkat global.

PENUTUP

21. Sebagai penutup, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang hadir dan tidak lupa juga kepada tetamu jemputan kita pada hari ini.

22. Saya percaya, dengan kerjasama dan komitmen yang berterusan, kita akan terus maju ke hadapan dalam mencapai matlamat dan objektif yang telah ditetapkan. Marilah kita terus berusaha dengan penuh dedikasi, bekerja dalam semangat satu pasukan, dan sentiasa mengutamakan kecemerlangan dalam setiap aspek tugas yang diamanahkan.

23. Akhir kata, saya doakan agar kita semua diberi kekuatan, kesihatan yang baik, dan kejayaan dalam setiap usaha yang kita lakukan. Sekian, terima kasih.